

KEPERLUAN REMEDI KHUSUS DALAM

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

.59502
GAN

Gan Chee Keong
Ahmad Azam Mohd Shariff



KEPERLUAN REMEDI KHUSUS DALAM
**PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN**

KEPERLUAN REMEDI KHUSUS DALAM
**PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN**

Gan Chee Keong
Ahmad Azam Mohd Shariff



PUSTAKA PERDANA



1011970

PERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2018

<http://ukmpress.ukm.my>



Cetakan Pertama / *First Printing*, 2018
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy; recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
<http://ukmpress.ukm.my>
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur Huruf oleh/ *Typeset by*
MUHAMMAD KHAIRI BIN ABDUL GHANI
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
Percetakan Info Meditasi Sdn. Bhd.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1,
Taman Industri Balakong Jaya,
43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia


Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan/
Cataloguing-in-Publication Data

Gan, Chee Keong, Dr.

Keperluan Remedi Khusus Dalam Perlembagaan Persekutuan
Gan Chee Keong, Ahmad Azam Mohd Shariff.

1. *Constitutions—Malaysia.* 2. *Constitutional law—Malaysia.* 3. *Civics, Malaysian.*
4. *Patriotism—Malaysia.* 5. *Malaysia--Politics and government.*
6. *Government publications-Malaysia.* I. Ahmad Azam Mohd Shariff. II. Judul.
342.59502

ISBN 978-967-412-689-6



Kandungan

Prakata... 7

BAB 1 Kebebasan Asasi dan Remedi: Hubung Kait serta Bentuk Remedi
...9

BAB 2 Ketiadaan Remedi Khusus dalam Perlembagaan Persekutuan
...26

BAB 3 Kewajaran Peruntukan Remedi dalam Menguatkuasakan
Kebebasan Asasi dalam Perlembagaan Persekutuan... 67

BAB 4 Mengimbangi Kebebasan Asasi melalui Peruntukan
Remedi dalam Perlembagaan Persekutuan: Faktor Pemeliharaan
Keselamatan Awam dan Hubungan Pihak Kehakiman-Kerajaan
...93

BAB 5 Mengimbangi Kebebasan Asasi melalui Peruntukan Remedi
dalam Perlembagaan Persekutuan: Faktor Pengimbangan Kuasa
Mahkamah dan Penguatkuasaan Litigasi kepentingan Awam
... 116

BAB 6 Pemaktuban Remedi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia:
Cita dan Citra... 148

Rujukan... 167

Indeks... 183

Prakata

Buku ini adalah berkait dengan keperluan untuk melindungi kebebasan asasi rakyat negara ini. Peruntukan berkaitan kebebasan asasi memang telah lama wujud dalam Perlembagaan Persekutuan 1957. Namun demikian, masih terdapat ruang untuk memperkasakan kebebasan asasi tersebut agar lebih terpelihara dan membawa kepada keadilan. Antara mekanisme yang boleh melindungi kebebasan asasi ialah dengan cara mewujudkan peruntukan khusus berkaitan remedi dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 untuk melindungi kebebasan asasi dengan baik. Penulisan ini mendapati tiada sebarang peruntukan khusus berkaitan remedi wujud dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan menguatkuasakan kebebasan asasi di negara ini. Sekiranya peruntukan khusus berkaitan remedi tersebut digubal di bawah perundangan Parlimen dan bukan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan, ia belum dapat menjamin penguatkuasaan dan perlindungan kebebasan asasi dengan baik. Kebebasan dan remedi tidak boleh dipisahkan dan perlu dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi negara ini. Dalam memaktubkan peruntukan khusus berkaitan remedi tersebut, beberapa faktor seperti keselamatan awam, doktrin pengasingan kuasa, mengimbangi kuasa mahkamah dan menguatkuasakan litigasi demi kepentingan awam perlu diambil kira mengikut acuan norma dan nilai masyarakat tempatan agar mekanisme tersebut dapat menjamin perlindungan kebebasan asasi dengan lebih baik.

Buku ini mengandungi 6 bab. Bab 1 membincangkan isu kebebasan asasi dan remedi yang memeliharanya: hubungan kait serta bentuk remedi. Bab 2 pula menganalisis permasalahan ketiadaan remedi khusus dalam perlembagaan persekutuan di Malaysia. Bab 3 membincangkan tentang kewajaran memaktubkan peruntukan khusus berkaitan remedi dalam menguatkuasakan kebebasan asasi rakyat dalam Perlembagaan Persekutuan. Bab 4 adalah tentang keperluan mengimbangi kebebasan asasi melalui kemasukkan peruntukan remedi dalam Perlembagaan Persekutuan: faktor pemeliharaan keselamatan awam dan hubungan pihak kehakiman-kerajaan. Bab 5 mengisahkan tentang isu mengimbangi kebebasan asasi melalui kemasukan peruntukan remedi dalam

8 / Keperluan Remedi Khusus dalam Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan: faktor pengimbangan kuasa Mahkamah dan penguatkuasaan litigasi demi kepentingan awam. Akhir sekali dalam Bab 6, persoalan pemaktuban remedi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia: cita dan citra dikupas.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Kehakiman khususnya Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia serta keluarga yang telah memberikan sokongan moral dan kekuatan sepanjang tempoh penulisan buku ini. Penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penulisan serta penerbitan ini. Terima kasih juga kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas pemberian dana penyelidikan bernombor UKM-GUP-2011-338.

Gan Chee Keong

Ahmad Azam Mohd Shariff

Kebebasan Asasi dan Remedi: Hubung Kait serta Bentuk Remedi

Pengenalan

Terdapat pelbagai defmisi “kebebasan”. Ini dapat dilihat apabila Charles Fried (2005) telah mendefinisikan kebebasan itu sebagai suatu idea undang-undang semulajadi yang menyatakan apa yang berharga sebagai seorang umat manusia. Ia adalah penting daripada segi moral serta berdasarkan apa yang menjadi asas kepada sifat seseorang manusia. Selanjutnya, Charles Fried (2005) menyatakan bahawa apa yang menjadikan seseorang manusia itu bermoral ialah kapasiti seseorang individu untuk berfikir, memberikan sebab musabab, memilih dan menilai. Menurut Charles Fried (2005), apa yang dinyatakan oleh beliau itu merupakan apa yang disebutkan oleh Kant sebagai kebebasan dan rasional.

Manakala menurut Theodore E. Simonton (1964), kebebasan merupakan suatu keadaan kehidupan manusia, yang mana kebebasan untuk bertindak sebagaimana yang diinginkan hanya boleh disekat secara sederhana dan seimbang oleh undang-undang tanpa bertindak secara arbitrari. Secara ringkasnya, kebebasan merupakan suatu ukuran kebebasan individu di bawah keseimbangan kedaulatan undang-undang. Selain itu, Charles E. Shattuck (1891) merujuk definisi “kebebasan” yang ditakrifkan oleh Blackstone sebagai kebebasan suatu anggota masyarakat, ia adalah kebebasan semula jadi yang boleh disekat oleh undang-undang manusia sebagaimana yang perlu dan suai manfaat bagi kelebihan orang awam. Kesimpulannya, definisi yang dikemukakan mempunyai satu persamaan iaitu kebebasan itu merupakan suatu yang semulajadi, tetapi boleh disekat secara munasabah oleh undang-undang.

Manakala berkenaan istilah ‘hak’ pula, ia merupakan suatu kelebihan yang diberikan oleh undang-undang kepada seseorang. Apabila undang-undang mengiktiraf suatu hak, ia akan mengenakan tanggungjawab

KEPERLUAN REMEDI KHUSUS DALAM

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Peruntukan berkaitan kebebasan asasi memang telah lama wujud dalam Perlembagaan Persekutuan dan telah dikuatkuasakan. Sungguhpun begitu, masih terdapat kelemahan dalam penguatkuasaannya sehingga mengakibatkan kebebasan asasi tersebut tidak terjamin dengan baik. Ini berpunca daripada ketiadaan peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan remedi yang memelihara serta menguatkuasakan kebebasan asasi di negara ini yang telah mengakibatkan kebebasan asasi belum terjamin dengan baik. Mekanisme yang boleh melindungi kebebasan asasi antaranya ialah mewujudkan peruntukan khusus berkaitan remedi dalam Perlembagaan Persekutuan untuk melindungi kebebasan asasi dengan lebih baik. Kebebasan dan remedi tidak boleh dipisahkan dan perlu dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi negara ini. Dalam memaktubkan peruntukan khusus berkaitan remedi tersebut, beberapa faktor seperti keselamatan awam, doktrin pengasingan kuasa, mengimbangi kuasa mahkamah dan menguatkuasakan litigasi demi kepentingan awam perlu diambil kira mengikut acuan norma dan nilai masyarakat tempatan agar mekanisme tersebut dapat menjamin perlindungan kebebasan asasi dengan lebih baik.

GAN CHEE KEONG, PhD., adalah merupakan Hakim Mahkamah Sesyen, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Beliau berkepakaran dalam bidang undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran serta berpengalaman dalam bidang undang-undang Jenayah, Keterangan, Tatacara Jenayah dan Tatacara Sivil berdasarkan pengalaman sebagai Majistret, Penolong Kanan Pendaftar dan Timbalan Pendaftar. AHMAD AZAM MOHD SHARIFF, PhD, Profesor Madya, adalah merupakan pensyarah di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkepakaran dalam bidang undang-undang Keterangan dan Tatacara Jenayah Syariah dan undang-undang Jenayah Syariah serta turut mempunyai kepakaran sampingan dalam bidang undang-undang Jenayah serta hak dalam Perlembagaan.



<http://ukmpress.ukm.my>

